

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8394

SOALAN:

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada benar terdapat sindiket menculik anak-anak untuk dijadikan pengemis seperti laporan Berita Harian pada 25 Mei 2015.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Kota Bahru report 12762/2015 bertarikh 23 Mei 2015 dan disiasat di bawah seksyen 363 Kanun Keseksaan (Melarikan orang dengan salah). Kejadian tersebut telah disiarkan dalam akhbar tempatan yang mendakwa bahawa seorang kanak-kanak lelaki berumur 7 tahun kononnya telah diculik oleh sindiket untuk dijadikan sebagai pengemis.

Hasil daripada siasatan awal yang dijalankan, suspek dalam kes ini adalah seorang orang kurang upaya (OKU) telah ditangkap ketika sedang meminta sedekah di kawasan Masjid Muhammadi, Kota Bahru, Kelantan. Suspek bergerak secara bersendirian dan tidak terlibat dengan mana-mana aktiviti kongsi gelap atau terlibat dengan mana-mana sindiket jenayah sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar tempatan. Pihak polis masih meneruskan siasatan mengenai perkara ini dan tidak berhasrat untuk mendedahkan lebih lanjut perkara ini kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan.